

05 NOV 1997

LEAD G15-Kemuncak

G15 PELOPORI USAHA KAWAL SELIA DAGANGAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Kumpulan 15 negara membangun (G15) hari ini menamatkan sidang kemuncak ketujuh mereka dengan mengambil langkah kukuh ke arah merangka peraturan antarabangsa bagi mengawal selia dagangan mata wang.

Selain mempercepatkan sidang kemuncak tahunan tahun depan untuk menangani isu urus niaga mata wang itu, ketua-ketua negara dan kerajaan G15 juga mengarahkan menteri kewangan dan gabenor bank pusat mereka supaya bermesyuarat di sini Disember ini untuk merangka peraturan dan undang-undang yang akan dikemukakan kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Sama ada IMF dapat melaksanakannya atau tidak adalah isu kedua. Bagaimanapun, kita akan membuat syor kepada IMF," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar bersama pada akhir sidang kemuncak tiga hari itu.

Sidang kemuncak tahun depan akan diadakan di Kaherah pada Mei diikuti dengan sidang kemuncak berikutnya di Jamaica pada Februari 1999. Sidang kemuncak tahunan itu pada kebiasaannya diadakan pada penghujung tahun.

Ketika ditanya sama ada sidang kemuncak itu membincangkan cara-cara bagaimana IMF dan Bank Dunia boleh mengawal selia dagangan mata wang, Dr Mahathir berkata ia tidak dibincangkan secara terperinci kerana tugas itu dipertanggungjawabkan kepada menteri kewangan dan gabenor bank pusat untuk membuat syor mereka.

Draf syor itu terlebih dahulu akan dikemukakan kepada ketua-ketua kerajaan sebelum ia dibawa kepada perhatian IMF, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir yang diapit oleh Presiden Hosni Mubarak dari Mesir dan Presiden Suharto dari Indonesia di persidangan berita itu, berkata sidang kemuncak kali ini memutuskan agar pemimpin G15 bermesyuarat lebih kerap lagi daripada hanya sekali setahun disebabkan oleh "desakan perkara-perkara tertentu dan kecepatan perubahan dalam perdagangan dan hal-hal lain di dunia."

Ketika ditanya sama ada cadangan mewujudkan syarat dan peraturan bagi urus niaga mata wang sesuatu yang realistik kerana negara-negara maju pasti akan menentang, Dr Mahathir berkata:

"Sudah tentu kami menjangkakan tentangan tetapi saya berpendapat bahawa peraturan lazimnya akan ada apabila manusia berinteraksi...kita tidak boleh berinteraksi tanpa sebarang peraturan. Jika mereka tidak mahukannya, jangan cuba mengajar kami...tutup saja mulut."

Beliau berkata oleh sebab-sebab tertentu, negara-negara maju menentang apa juga peraturan berhubung dengan urus niaga mata wang tetapi pada masa yang sama, ia mahukan keterbukaan, ketelusan dan amalan undang-undang.

Dr Mahathir menafikan bahawa persoalan mata wang telah mengetepikan perkara-perkara lain pada sidang kemuncak itu kerana isu-isu lain juga dibincangkan.

"Tidak ada usaha untuk melencongkan apa-apa isu oleh sesiapa. Negara anggota melahirkan kebimbangan mereka berhubung globalisasi, liberalisasi dan deregulasi yang dilaksanakan oleh negara maju dan mereka berpendapat perubahan pantas dan idea itu mungkin menjejaskan ekonomi mereka," katanya.

Beliau mengesahkan bahawa menteri-menteri ekonomi G15 akan bermesyuarat sekali lagi sebelum persidangan Pertubuhan Perdagangan Sedunia di Geneva pada Mei depan untuk menimbang satu pendirian bersama berhubung isu-isu yang mungkin berbangkit pada mesyuarat itu.

Mengenai kurangnya sambutan di kalangan pemimpin G15 untuk menghadiri sidang kemuncak itu, Dr Mahathir berkata kumpulan itu telah memutuskan untuk menjadualkan semula sidang kemuncak akan datang dan mungkin mengadakannya pada awal tahun dan tidak pada penghujung tahun kerana pada masa itu banyak sidang kemuncak lain diadakan.

Selain Dr Mahathir, pemimpin lain yang hadir pada sidang kemuncak itu ialah Presiden Suharto, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Hosni Mubarak, Presiden Alberto Fujimori dari Peru, Presiden Liamine Zeroual dari Algeria, Naib Presiden Dr Carlos Ruckauf dari Argentina, Naib Presiden Krishan Kant dari India dan Timbalan Perdana Menteri Dr Seymour Mullings dari Jamaica.

Dr Mahathir menyifatkan sidang kemuncak di sini sebagai satu kejayaan besar berdasarkan keputusan-keputusan penting yang diambil dan negara-negara anggota memperbaharui komitmen terhadap kumpulan itu seperti yang ditunjukkan mereka semasa sesi perbincangan.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya diterima sebagai anggota ke-16 di sini. -- BERNAMA

MAM TCL AKD